

Umno mahu kerusi baru Parit Sulong

BATU PAHAT, Isnin — Pucuk pimpinan Umno digesa supaya jangan tunduk kepada tekanan atau berkompromi dengan mana-mana parti anggota Barisan Nasional yang cuba menguasai kawasan Parlimen baru Parit Sulong.

Gesaan itu dibuat oleh Ketua Pemuda Umno cawangan Sri Jaya yang juga setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) cawangan Mukim Empat, Encik Basrah Ali.

Pengagihan semula kawasan-kawasan Parlimen kepada parti-parti anggota BN dilakukan berikutan pemecahan kawasan pilihanraya yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya baru-baru ini.

Adalah difahamkan, MCA ditawarkan kawasan Parlimen Tebrau atau Johor Bahru dan sebagai gantinya, Umno akan menerima Parit Sulong.

Bagaimanapun, menurut beberapa sumber, MCA mungkin mendesak untuk mempertahankan kawasan lamanya yang kini dikenali sebagai Parit Sulong.

Kawasan itu yang sebahagiannya dulu termasuk dalam kawasan Air Hitam telah diwakili oleh ahli dari MCA sejak beberapa penggal lalu.

Encik Basrah menuntut kawasan Parit Sulong diwakili oleh ahli dari Umno kerana kebanyakan pengundinya adalah orang-orang Melayu.

Beliau bimbang jika kawasan itu diserahkan kepada parti lain, suasana harmoni yang selama ini wujud di kalangan para penduduknya akan terjejas.

"Umno sebagai parti pemerintah mempunyai hak untuk menentukan pembahagian kawasan mengikut kuota parti anggota dan segala keputusan mengenainya haruslah dibuat dengan teliti dan setelah dikaji kesan-kesannya," katanya.

57

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

[
J
I
U
l
y
f
n
k
d
P
D
p
P
Je
y
di
Y
Je
te
sa
pt
di
sa
ka
ba
da
ka
tel
itu
da
sla